

Kementerian Kewangan
Malaysia

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT 2020

Prihatin
Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

**PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI
PRIHATIN RAKYAT
(PRIHATIN)**

**27 MAC 2020
PUTRAJAYA**

PERDANA MENTERI MALAYSIA


PRAKATA

Penularan pandemik COVID-19 telah mencetuskan impak besar terhadap perkembangan ekonomi dunia. Di Malaysia, penularan wabak ini pada masa kini telah dikategorikan sebagai gelombang kedua. Justeru, Kerajaan telah melaksanakan langkah Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 sehingga 14 April 2020 di seluruh negara. Langkah ini bertujuan mencegah lebih ramai rakyat dijangkiti serta memberi ruang untuk Kerajaan melaksanakan usaha pemulihan dengan kadar segera.

Pada masa yang sama, langkah ini turut mengehadkan aktiviti ekonomi secara menyeluruh dan menjejaskan pendapatan pelbagai golongan. Perkembangan ini pastinya telah melahirkan kebimbangan kita semua terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan mudah terjejas untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan yang semakin mencabar dan tidak menentu ini.

Justeru, Kerajaan telah meneliti dan memberi nilai tambah kepada pakej rangsangan yang diumumkan sebelum ini bagi memastikan impak yang lebih menyeluruh kepada setiap segmen masyarakat melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Antaranya, menambah peralatan dan kakitangan perubatan bagi membendung penularan COVID-19, menyediakan bantuan tunai dan kelengkapan kepada golongan yang terjejas, melindungi pekerjaan serta menyediakan dana dan sokongan kepada peniaga, khususnya PKS.

Dalam menghadapi situasi krisis yang melanda negara pada ketika ini, saya menyeru semua pihak untuk berlapang dada dan sentiasa bekerjasama dalam mematuhi segala langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan demi membendung wabak ini daripada terus melumpuhkan nikmat kehidupan yang dianugerahkan kepada kita selama ini.



TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
PUTRAJAYA
27 MAC 2020

PENDAHULUAN

Wabak COVID-19 yang telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) secara umumnya telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi global termasuk Malaysia. Sebagai respons kepada penularan wabak ini, Kerajaan telah melaksanakan langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak ini dan melindungi rakyat. Langkah ini telah mengehadkan aktiviti harian rakyat dan juga peniaga, seterusnya menjejaskan pendapatan yang diterima.

2. Bagi membendung impak daripada COVID-19 dan PKP, Kerajaan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN yang merupakan penambahbaikan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada 27 Februari 2020. Pakej yang berjumlah RM250 bilion ini dijangka akan dapat membantu meringankan beban rakyat dan komuniti perniagaan.

3. Daripada jumlah tersebut, hampir RM128 bilion disalurkan untuk melindungi kebajikan rakyat, RM100 bilion untuk menyokong perniagaan termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan RM2 bilion untuk memperkukuh ekonomi negara manakala RM20 bilion lagi telah diumumkan dalam pakej rangsangan sebelum ini.

4. Pakej PRIHATIN ini akan menyediakan bantuan segera untuk meringankan beban yang ditanggung oleh semua lapisan masyarakat dan memastikan tiada golongan yang akan tercicir. *No one is left behind*. Pakej ini menggariskan tiga matlamat iaitu:

- | | |
|----------------|------------------------------|
| Pertama | : Lindungi Rakyat |
| Kedua | : Sokongan Perniagaan |
| Ketiga | : Perkukuh Ekonomi |

MATLAMAT PERTAMA: LINDUNGI RAKYAT

5. Penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan kepada kehidupan masyarakat secara keseluruhan. Wabak ini telah menjejaskan aktiviti seharian rakyat di pelbagai peringkat meliputi isi rumah, pelajar, pekerja, peniaga dan kakitangan kesihatan khususnya. Sehubungan itu, langkah yang dirancang di bawah matlamat ini menumpukan kepada usaha membendung penularan wabak COVID-19, memberi bantuan kepada isi rumah dan individu terkesan serta melindungi pekerja.

Membendung Penularan COVID-19

6. Bagi membendung penularan wabak COVID-19, sejumlah RM500 juta diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Peruntukan ini bertujuan antaranya membiayai pembelian peralatan perubatan seperti ventilator dan peralatan ICU, peralatan perlindungan diri (PPE) bagi kakitangan perkhidmatan perubatan awam serta keperluan makmal untuk saringan COVID-19. Sebagai usaha meningkatkan lagi keupayaan KKM, Kerajaan menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion bagi pembelian peralatan dan perkhidmatan untuk memerangi COVID-19 termasuk mendapatkan khidmat kepakaran perubatan daripada perkhidmatan kesihatan swasta.

7. Selain itu, pihak industri insurans dan takaful akan mewujudkan dana khas berjumlah RM8 juta untuk menanggung kos ujian penyaringan. Dana ini membiayai RM300 bagi setiap pemegang polisi dan sijil takaful perubatan yang diarahkan oleh KKM untuk menjalani ujian di hospital swasta atau makmal swasta. Di samping itu, syarikat insurans dan takaful keluarga akan menawarkan penangguhan pembayaran premium atau sumbangan untuk tiga bulan bagi pencarum yang sumber pendapatan mereka terjejas akibat wabak ini.

8. Dalam Pakej Rangsangan Ekonomi yang pertama, Kerajaan telah memberikan elaun khas kepada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak ini. Kerajaan sedar dalam situasi getir pada waktu ini kakitangan kesihatan sedang bekerja bertungkus lumus dalam keletihan dan keadaan yang agak tertekan. Namun, mereka terus cekal berjuang mengharungi cabaran yang hebat ini. Sebagai menghargai pengorbanan kakitangan perubatan, Kerajaan akan meningkatkan elaun khas yang diterima daripada RM400 kepada RM600 sebulan mulai 1 April 2020 sehingga wabak ini berakhir.

9. Pada masa yang sama, Kerajaan juga memanjangkan elaun khas sebanyak RM200 sebulan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan PKP. Elaun ini juga dibayar mulai 1 April 2020 sehingga wabak COVID-19 berakhir. Dianggarkan seramai 169,000 kakitangan tambahan akan mendapat manfaat.

Bantuan Prihatin Nasional

10. Kerajaan faham bahawa dalam keadaan bencana seperti yang sedang dihadapi ini, rakyat telah terjejas sumber pendapatan. Justeru, bagi meringankan beban rakyat, Kerajaan akan menyediakan Bantuan Prihatin Nasional iaitu pemberian tunai secara *one-off* dengan peruntukan hampir RM10 bilion dan buat pertama kali akan disalurkan juga kepada kumpulan M40. Golongan ini termasuk pekerja swasta, peneroka FELDA, petani, nelayan, peniaga kecil dan semua yang tergolong dalam kumpulan M40 dan ke bawah. Bayaran adalah seperti berikut:

No	Penerima	April 2020	Mei 2020	Jumlah
1	Isi rumah berpendapatan ≤RM4,000 sebulan (4 juta isi rumah)	RM1,000	RM600	RM1,600
2	Isi rumah berpendapatan RM4,001 – RM8,000 sebulan (1.1 juta isi rumah)	RM500	RM500	RM1,000
3	Individu bujang berpendapatan ≤RM2,000 sebulan (3 juta individu berumur ≥21 tahun)	RM500	RM300	RM800
4	Individu bujang berpendapatan RM2,001 – RM4,000 sebulan (400,000 individu berumur ≥21 tahun)	RM250	RM250	RM500

11. Di samping itu, baki pemberian tunai di bawah program Bantuan Sara Hidup (BSH) yang sedang dilaksanakan akan dibayar pada bulan Julai 2020 melibatkan peruntukan sebanyak RM3.2 bilion.

Bantuan kepada Pelajar

12. Kerajaan juga tidak lupa kepada keperluan para pelajar institusi pengajian tinggi. Sehubungan itu, bantuan secara *one-off* sebanyak RM200 seorang akan disalurkan dan dibayar pada bulan Mei 2020. Bantuan ini melibatkan peruntukan sebanyak RM270 juta kepada pelajar di pelbagai peringkat pengajian tinggi termasuk di tingkatan enam, matrikulasi, kolej komuniti, politeknik, institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Bantuan kepada Kumpulan Mudah Terjejas

13. Kerajaan juga prihatin terhadap golongan mudah terjejas seperti warga emas dan kanak-kanak di rumah perlindungan, orang kelainan upaya (OKU), golongan gelandangan dan orang asal. Justeru, Kerajaan akan bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan usahawan sosial yang berkaitan untuk menyalurkan bantuan makanan, barangan penjagaan kesihatan dan tempat perlindungan untuk mereka dengan peruntukan sebanyak RM25 juta.

Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

14. Sebelum ini, Kerajaan telah menangguhkan bayaran balik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada semua peminjam selama enam bulan melibatkan kutipan sebanyak RM750 juta. Kini, Kerajaan memberikan penangguhan bayaran balik pinjaman untuk tempoh yang sama kepada peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020 dengan anggaran kutipan sebanyak RM149.2 juta. Inisiatif ini akan memanfaatkan seramai 174,500 orang peminjam.

mySalam

15. Pada masa ini, mySalam menyediakan manfaat kepada golongan B40 yang dimasukkan ke hospital kerana jangkitan COVID-19. Pesakit boleh menuntut bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari. Sebagai tambahan kepada inisiatif ini, Kerajaan juga memanjangkan manfaat ini kepada golongan B40 yang dikuarantin sebagai pesakit di bawah siasatan (PUI).

Skim Persaraan Swasta

16. Inisiatif Skim Persaraan Swasta (PRS) adalah saluran simpanan alternatif bagi persaraan. Dalam keadaan yang sukar pada waktu ini, rakyat memerlukan wang tunai daripada apa jua bentuk simpanan untuk digunakan bagi menampung perbelanjaan harian. Sehubungan itu, Kerajaan membenarkan pengeluaran pra-persaraan dari Akaun B PRS sehingga jumlah RM1,500 bagi setiap ahli tanpa sebarang penalti cukai dalam tempoh bulan April hingga Disember 2020.

Pengecualian dan Penangguhan Bayaran Sewa Rumah dan Premis Perniagaan

17. Kerajaan juga tahu keperitan yang dihadapi oleh golongan B40 di kawasan bandar, terutamanya mereka yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam. Sehubungan itu, Kerajaan akan memanjangkan pengecualian pembayaran sewa bagi PPR daripada sebulan yang diumumkan sebelum ini kepada enam bulan dengan jumlah kos sebanyak RM3 juta ditanggung oleh Kerajaan.

18. Pengecualian pembayaran sewa ini melibatkan 3,636 unit rumah PPR disewa atau transit di bawah pengurusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Bagi unit sewa untuk milik (RTO) pula, penangguhan pembayaran bulanan diberikan selama enam bulan bagi pembayaran balik pembiayaan bermula bulan April hingga September 2020. Penangguhan pembayaran ini melibatkan kos RM5.7 juta bagi 4,649 unit RTO.

19. Manakala bagi Perumahan Awam pula, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memberi pengecualian yang sama yang memanfaatkan lebih 40,000 penyewa. Kerajaan juga menyeru kepada Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan lain supaya memberikan pengecualian yang sama bagi meringankan beban penghuni PPR di negeri masing-masing.

20. Di samping itu, Kerajaan juga memberikan pengecualian sewaan selama enam bulan untuk semua premis milik Kerajaan Persekutuan seperti kantin sekolah, taska, kafeteria, kedai serbaneka dan lain-lain. Ini termasuk semua premis milik agensi dan badan berkanun Kerajaan Persekutuan. Kerajaan juga menggesa agar Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) memberikan pengecualian yang sama.

Diskaun Bil Elektrik

21. Dalam Pakej Rangsangan Ekonomi sebelum ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi tujuan pemberian diskaun 15% ke atas bil elektrik sektor pelancongan dan 2% bagi sektor komersial, industri, pertanian dan isi rumah di Semenanjung Malaysia mulai 1 April 2020. Sebagai tambahan, Kerajaan bersama Tenaga Nasional Berhad akan menambah peruntukan sebanyak RM530 juta lagi untuk memberikan diskaun berperingkat antara 15% hingga 50% mengikut penggunaan kadar elektrik dengan had maksimum 600 kilowatt sebulan seperti berikut:

Penggunaan Elektrik Sebulan	Kadar Diskaun
≤200 kilowatt	50%
201 – 300 kilowatt	25%
301 – 600 kilowatt	15%

22. Diskaun ini akan berkuatkuasa bagi tempoh enam bulan mulai bil bulan April 2020. Sementara itu, diskaun sebanyak 2% seperti dimaklumkan sebelum ini akan terus dinikmati oleh semua isi rumah dengan penggunaan kadar elektrik melebihi 600 kilowatt sebulan.

Insentif Perkhidmatan Telekomunikasi

23. Bagi industri telekomunikasi dan multimedia, beberapa pakej khas akan ditawarkan dengan kerjasama syarikat-syarikat telekomunikasi. Antara pakej khas yang akan ditawarkan ialah internet percuma kepada semua pelanggan dengan nilai RM600 juta bermula 1 April 2020 sehingga tempoh pelaksanaan PKP tamat.

24. Selain itu, tambahan RM400 juta akan dilaburkan untuk meningkatkan liputan dan keupayaan rangkaian bagi mengekalkan ketersediaan dan kualiti rangkaian telekomunikasi yang tinggi dan mampan.

Bantuan Kakitangan Kerajaan dan Pesara

25. Kerajaan juga tidak lupa menjaga kebajikan semua penjawat awam yang terus setia menjalankan amanah kepada negara. Bagi menghargai sumbangan tersebut, Kerajaan akan memberikan bantuan tunai sebanyak RM500 secara *one-off* kepada lebih 1.5 juta penjawat

awam gred 56 dan ke bawah termasuk kakitangan bekerja secara kontrak. Bayaran akan dibuat pada bulan April 2020. Kerajaan juga akan menyalurkan bantuan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada lebih 850,000 pesara Kerajaan juga pada bulan April 2020.

Jaminan Makanan

26. Dalam tempoh kritikal ini, adalah penting untuk memastikan bekalan makanan kekal terjamin dan mencukupi. Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM1 bilion kepada Dana Jaminan Makanan. Selain itu, Kerajaan akan terus menyalurkan pelbagai bantuan kepada petani, penternak dan nelayan termasuk dalam bentuk bantuan input pertanian, ternakan dan perikanan untuk menggalakkan pengeluaran domestik.

27. Kerajaan juga akan memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi menyediakan kemudahan infrastruktur tempat penyimpanan dan pengagihan makanan serta program integrasi tanaman. Sebagai langkah tambahan, dana khas antara RM100,000 hingga RM200,000 akan disediakan kepada setiap Pertubuhan Peladang Kawasan dan Pertubuhan Nelayan Kawasan yang berdaya maju untuk membangunkan projek agromakanan jangka pendek yang boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga hingga enam bulan. Inisiatif ini untuk memastikan bekalan makanan terjamin. Langkah ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM64.4 juta.

Program Pengekalan Pekerjaan

28. Kerajaan juga akan memperkenalkan Program Subsidi Upah untuk membantu majikan mengekalkan pekerja. Dalam situasi yang sukar ini, Kerajaan berharap para pekerja tidak dibuang dan hilang pendapatan. Menerusi program ini, Kerajaan akan menyediakan upah sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja untuk tempoh tiga bulan. Program ini dikhususkan kepada pekerja yang berpendapatan di bawah RM4,000 dan majikan yang mengalami penurunan pendapatan lebih 50% sejak 1 Januari 2020. Majikan mesti memastikan pekerja tidak dibuang atau diarah mengambil cuti tanpa gaji bagi tempoh tiga bulan selepas program ini dilaksanakan. Selain itu, majikan juga tidak dibenarkan memotong gaji sedia ada pekerja. Langkah ini dijangka memanfaatkan 3.3 juta orang pekerja dengan peruntukan sebanyak RM5.9 bilion.

Bantuan Tunai kepada Pemandu *E-Hailing*

29. Pelaksanaan PKP turut menjejaskan pendapatan harian pemandu *e-hailing* sepenuh masa. Bagi meringankan beban, Kerajaan akan memberikan bantuan secara *one-off* sebanyak RM500 kepada 120,000 pemandu *e-hailing* dengan peruntukan sebanyak RM60 juta. Dalam pakej rangsangan sebelum ini, Kerajaan telah mengumumkan pemandu teksi akan menerima bayaran *one-off* sebanyak RM600 mulai 1 April 2020.

Tanggungjawab Gaji Pekerja di bawah Kontrak Kerajaan dalam Tempoh PKP

30. Bagi memastikan kebajikan pekerja yang terlibat dengan kontrak perkhidmatan seperti perkhidmatan pembersihan dan bekalan makanan bermasak di sekolah, IPTA, institusi latihan awam serta agensi-agensi lain Kerajaan termasuk badan berkanun, Kerajaan bersetuju untuk membayar gaji yang ditanggung oleh kontraktor yang terlibat sepanjang tempoh PKP walaupun pekerja tidak hadir bekerja. Lebih 80,000 pekerja akan menerima manfaat daripada inisiatif ini yang melibatkan peruntukan berjumlah RM110 juta.

31. Selain itu, Kerajaan juga bersetuju untuk memanjangkan tempoh kontrak perkhidmatan yang berkenaan selama sebulan sebagai *trade-off* dengan tempoh PKP.

MATLAMAT KEDUA: SOKONGAN PERNIAGAAN

32. Matlamat kedua memberikan tumpuan kepada membantu sektor perniagaan khususnya PKS melalui penyediaan dan penambahan dana untuk membantu aliran tunai syarikat melalui pelbagai langkah.

Dana bagi Membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana

33. Bagi membantu PKS termasuk usahawan mikro, Kerajaan dan Bank Negara Malaysia akan menyediakan dana tambahan berjumlah RM4.5 bilion yang merangkumi lima inisiatif utama:

- **Pertama:** Menambah dana dalam tabung Bantuan Kemudahan Khas atau *Special Relief Facility* untuk PKS sebanyak RM3 bilion yang menjadikan jumlah

keseluruhannya RM5 bilion. Selain itu, kadar faedah bagi keseluruhan dana ini akan dikurangkan daripada 3.75% kepada 3.5%;

- **Kedua:** Meningkatkan saiz dana sebanyak RM1 bilion kepada RM6.8 bilion di bawah Kemudahan Semua Sektor Ekonomi bagi meningkatkan lagi akses pembiayaan kepada PKS;
- **Ketiga:** Menyediakan dana tambahan sebanyak RM500 juta yang menjadikan jumlah keseluruhan RM700 juta di bawah Skim Kredit Mikro bagi pembiayaan mudah dengan kadar faedah 2% sahaja tanpa cagaran. Syarat kelayakan pinjaman juga dilonggarkan dengan minimum enam bulan operasi berbanding setahun operasi. Amaun pembiayaan juga ditingkatkan daripada maksimum RM50,000 kepada RM75,000 bagi setiap usahawan. Inisiatif yang akan dikendalikan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dan TEKUN Nasional ini terbuka kepada semua usahawan mikro dalam semua sektor perniagaan termasuk pengusaha taska, operator bas dan teksi, industri kreatif dan peniaga dalam talian;
- **Keempat:** PKS yang mempunyai rekod perniagaan kurang daripada empat tahun juga boleh memanfaatkan skim BizMula-i dan BizWanita-i Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC) untuk pembiayaan sehingga RM300,000; dan
- **Kelima:** Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) akan menyediakan kemudahan jaminan bernilai RM5 bilion selain meningkatkan kadar jaminan daripada 70% kepada 80% bagi PKS yang menghadapi masalah mendapatkan pinjaman.

34. Menerusi inisiatif di atas, Kerajaan percaya institusi kewangan akan terus memberikan sokongan padu kepada PKS yang berdaya maju terutamanya dalam menghadapi cabaran ekonomi yang agak muram pada masa ini.

Membantu Aliran Tunai Syarikat

35. Kerajaan juga prihatin dengan nasib pemilik syarikat yang mengalami masalah aliran tunai. Sehubungan itu, beberapa langkah seperti berikut akan dilaksanakan:

- **Pertama:** Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan memperkenalkan program Khidmat Rundingan Majikan pada 15 April 2020. Perkhidmatan ini merangkumi pilihan penangguhan bayaran, penstrukturan dan penjadualan semula sumbangan majikan. Langkah ini dijangka memberikan penjimatan aliran tunai kepada majikan yang dianggarkan berjumlah RM10 bilion. Inisiatif ini akan memanfaatkan lebih 480,000 PKS dan syarikat yang terjejas di samping menyelamatkan lebih 8 juta pekerjaan;
- **Kedua:** Mengecualikan pembayaran levi Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) bagi semua sektor untuk tempoh enam bulan mulai bulan April 2020. Langkah ini dijangka membantu aliran tunai syarikat dengan penjimatan keseluruhan bernilai RM440 juta; dan
- **Ketiga:** Dengan rasa peduli terhadap masalah yang dihadapi oleh kira-kira 750,000 PKS, Kerajaan juga membenarkan penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan kepada semua PKS untuk tempoh tiga bulan mulai 1 April 2020. Ini adalah tambahan kepada langkah yang diumumkan terdahulu iaitu Kerajaan telah memberi penangguhan bayaran ansuran cukai kepada perniagaan yang terjejas dalam sektor pelancongan selama enam bulan bermula 1 April 2020. Sektor lain yang turut terkesan juga dibenarkan untuk meminda jumlah cukai pendapatan yang dikenakan pada bulan ketiga, keenam dan kesembilan ansuran dalam tempoh asas perniagaan.

36. Bagi membantu PKS serta individu, Kerajaan menyambut baik kesanggupan institusi perbankan untuk menawarkan penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman selama enam bulan, penukaran baki kad kredit kepada pinjaman berjangka dan penstrukturan semula pinjaman korporat. Langkah ini penting untuk membolehkan syarikat terus berkemampuan untuk mengekalkan pekerjaan dan segera meneruskan aktiviti perniagaan. Inisiatif ini melibatkan jumlah keseluruhan sekurang-kurangnya RM100 bilion.

37. Kerajaan amat berterima kasih kepada Bank Negara Malaysia dan industri perbankan yang menawarkan kelonggaran ini. Sebagai balasan, Kerajaan bersetuju supaya pendapatan pihak bank dari faedah atau keuntungan ke atas pinjaman atau pembiayaan yang terlibat dengan penangguhan bayaran balik pinjaman atau pembiayaan ini hanya dikenakan cukai apabila pendapatan tersebut diterima selepas tempoh moratorium.

38. Selain itu, langkah moratorium akan dipanjangkan dan dilaksanakan bagi pinjaman dengan TEKUN Nasional, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan koperasi serta mana-mana agensi kerajaan yang memberi pinjaman mulai 1 April 2020.

Program Kewangan Sosial

39. Bagi membantu usahawan B40 dan rakyat yang hilang mata pencarian, satu program kewangan sosial akan diperkenalkan dengan kerjasama antara institusi perbankan Islam, Majlis Agama Islam Negeri dan rakan-rakan pelaksana utama. Sumbangan kewangan sosial akan disalurkan dalam bentuk modal permulaan bagi usahawan mikro menggunakan dana zakat dan dipadankan dengan pembiayaan mikro pada kadar yang berpatutan.

40. Fasa pertama yang melibatkan kerjasama antara Bank Islam Malaysia Berhad dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan akan bermula dalam bulan Mei 2020. Usahawan yang layak akan diberi latihan keusahawanan, pengurusan kewangan dan sokongan untuk membangunkan perniagaan yang dipilih.

Kemudahan Skim Jaminan kepada Korporat

41. Sektor korporat juga terjejas dengan situasi yang sedang dihadapi pada waktu ini. Justeru, Kerajaan menyambut baik usaha institusi perbankan yang bersedia untuk menstruktur semula bayaran balik pinjaman sektor korporat bersesuaian dengan prestasi perniagaan mereka.

42. Selain itu, Kerajaan juga akan menyediakan kemudahan skim jaminan berjumlah RM50 bilion dengan jaminan sehingga 80% daripada jumlah pinjaman bagi tujuan membiayai keperluan modal kerja. Skim ini akan diuruskan dan tertakluk kepada penilaian kredit oleh Danajamin. Kemudahan ini disasarkan kepada perniagaan yang berdaya maju dalam semua sektor yang menghadapi kesukaran akibat wabak COVID-19. Saiz minimum pinjaman yang layak dijamin ialah RM20 juta bagi setiap perniagaan. Kemudahan ini akan disediakan untuk permohonan mulai 1 Mei sehingga 31 Disember 2020 atau sehingga dana jaminan digunakan sepenuhnya.

MATLAMAT KETIGA: PERKUKUH EKONOMI

43. Langkah yang telah diperkenalkan dalam Pakej ini juga bertujuan untuk memastikan aktiviti ekonomi yang berterusan terutamanya dengan penyaluran tunai melalui Bantuan Prihatin Nasional. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada aktiviti pelaburan domestik yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi untuk melindungi pekerjaan.

Menumpukan kepada Aktiviti Pelaburan Domestik

44. Kerajaan telah mengenal pasti beberapa projek kecil seperti menambah baik jalan, menaik taraf sekolah daif di Sabah dan Sarawak, membersihkan rumah ibadat dan balai polis serta meningkatkan kemudahan pelancongan yang akan memanfaatkan kontraktor kelas G1 hingga G4. Bagi tujuan ini, peruntukan sebanyak RM2 bilion disediakan.

45. Pada masa yang sama, projek kecil bernilai RM2 bilion yang diumumkan dalam pakej sebelum ini akan mula dilaksanakan pada bulan April 2020. Projek tersebut termasuk projek infrastruktur di kawasan FELDA dan lain-lain bernilai RM600 juta, projek membaik pulih sekolah daif di Sabah dan Sarawak bernilai RM350 juta dan projek membaik pulih perumahan rakyat termiskin bernilai RM150 juta.

46. Kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan semua projek yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2020 termasuk Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL), Transit Aliran Massa Laluan 2 (MRT2) serta Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP). Usaha ini selaras dengan fokus Kerajaan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi kekal mampan.

Memastikan Kedudukan Fiskal dan Hutang yang Mampan

47. Pakej PRIHATIN ini merupakan manifestasi Kerajaan yang mengambil berat akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan membuat suntikan fiskal langsung berjumlah RM25 bilion untuk membantu mengurangkan beban rakyat dan pemilik perniagaan dalam mengharungi cabaran ekonomi yang sukar ini. Strategi dan langkah yang akan dilaksanakan adalah berdasarkan kepada keupayaan fiskal semasa dan ketersediaan mudah tunai pasaran kewangan domestik yang mencukupi.

48. Kerajaan akan sentiasa memastikan akaun semasa fiskal mempunyai lebihan dan tidak menggunakan pinjaman untuk membiayai perbelanjaan operasi. Hampir semua langkah ini adalah secara *one-off* supaya tidak membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana. Langkah ini penting untuk memastikan kedudukan fiskal dan hutang negara sentiasa mampan. Sehubungan itu, Kerajaan perlu kembali melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana bagi mewujudkan ruang fiskal untuk jangka masa panjang.

49. Bagi menzahirkan keprihatinan dan kepedulian pimpinan Kerajaan terhadap keperluan rakyat pada masa ini, Perdana Menteri, Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri bersetuju agar dua bulan gaji mereka dipotong dan disalurkan ke dalam Tabung COVID-19.

50. Selain itu, semua Kementerian diarah mengkaji semula belanjawan masing-masing untuk mengenal pasti penjimatan agar ianya dapat digunakan untuk menampung langkah dalam Pakej ini.

SUNTIKAN KEWANGAN

51. Pakej PRIHATIN melibatkan suntikan kepada ekonomi berjumlah RM250 bilion melalui sumber seperti berikut:

Dana/Tabung	RM juta
Kerajaan Persekutuan	
Bantuan Prihatin Nasional	10,000
Subsidi Upah	5,900
Projek Infrastruktur Kecil	2,000
Kesihatan (COVID-19)	1,500
Dana Jaminan Makanan	1,000
Skim Kredit Mikro	500
Bantuan Pelajar IPT	270
Lain - lain	630
Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE1)	3,200
	25,000
Institusi Sektor Awam dan Swasta	
Moratorium Pinjaman	100,000
Danajamin: Skim Jaminan Pembiayaan	50,000
KWSP: Skim i-Lestari	40,000
KWSP: Program Khidmat Rundingan Majikan	10,000
BNM: Dana Fasiliti	4,000
Lain - lain	4,500
Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE1)	16,500
	225,000
JUMLAH	250,000

KESIMPULAN

52. Secara keseluruhannya, Pakej PRIHATIN ini telah menggariskan pelbagai langkah bagi meringankan beban rakyat daripada wabak COVID-19 ini terutamanya isi rumah dan perniagaan. Melalui pelaksanaan Pakej ini, Kerajaan yakin wabak penyakit ini dapat dibendung sepenuhnya dan kesejahteraan hidup rakyat dapat dikembalikan ke landasan asal. Langkah Pakej ini diharapkan dapat memberi sedikit kelegaan kepada rakyat dari segi bantuan pendapatan serta membantu peniaga dari segi dana modal serta aliran tunai untuk mengekalkan perniagaan dan pekerja.

53. Kementerian Kewangan melalui Unit LAKSANA berperanan untuk memastikan Pakej PRIHATIN bernilai RM250 bilion ini dapat disampaikan kepada kumpulan sasaran dengan cepat. Kerajaan Persekutuan akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, khususnya di Sabah dan Sarawak untuk memastikan semua bantuan yang disediakan oleh Kerajaan sampai kepada kumpulan sasaran seperti yang dirancang.



**Kementerian Kewangan
Malaysia**

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5, Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Wilayah Persekutuan Putrajaya

T. +603 8000 8000
F. +603 8882 3893/+603 8882 3894
W. [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)